

## Undang-undang lindungi sumber biologi akan diperkenal: Uggah

by Edwin Raoh. Posted on May 23, 2011, Monday



**GELOMBANG HIJAU: Uggah menyiram anak pokok dibantu seorang murid Sekolah Kebangsaan Nanga Delok pada Pogram Green Wave 2011 di Taman Negara Batang Ai di Lubok Antu semalam. — Gambar Bernama**

**LUBOK ANTU:** Kerajaan memperkenalkan draf rang undang-undang bagi mencegah sumber biolog negara dibawa keluar tanpa kebenaran dan akan dibentangkan di Parlimen pada hujung tahun ini. Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Malaysia Dato Sri Douglas Uggah Embas berkata, langkah ini penting untuk mengelak sumber-sumber biologi negara disalah guna tanpa kebenaran pihak berkuasa negara ini.

Di samping itu, ia juga bertujuan bagi mengelak orang yang tidak bertanggungjawab mendapat keuntungan, sebaliknya rakyat setempat termasuk kerajaan tidak mendapat apa-apa keuntungan hasil pengambilan sumber biologi itu.

"Undang-undang yang dikenali sebagai 'biopiracy' ini sedang dalam perangkaan dan akan dikuatkuasakan pada akhir tahun ini (selepas diluluskan Parlimen)," katanya.

Beliau berkata rang undang-undang akses kepada sumber biologi negara dan perkongsian faedah itu dicadangkan berdasarkan Protokol Nagoya. Kini hanya kerajaan negeri Sarawak dan Sabah telah mewujudkan peruntukan undang-undang bagi memastikan kebenaran perlu diperoleh sebelum sumber biologi dari kedua-dua negeri dibawa keluar, katanya.

Uggah berkata demikian kepada pemberita semasa sidang akhbar selepas merasmikan majlis Pelancaran Pusat Kecemerlangan Konservasi Orang Utan dan Majlis Sambutan Hari Biodiversiti Antarabangsa di Taman Negara Batang Ai di Nanga Delok, kira-kira satu jam perjalanan menggunakan perahu panjang, dari sini.

Menurut Uggah lagi, dengan adanya undang-undang ini kerajaan bukan sahaja dapat memulihara biodiversiti dengan lebih efisien tetapi bagi memastikan kerajaan mendapat pulangan yang setimpal kelak. Di peringkat persekutuan juga kerajaan

sedang merangka satu rang undang-undang akses kepada sumber Biologi dan Perkongsian Faedah, jelas beliau. Sementara itu Uggah memberitahu bahawa tiada berlaku pembalakan haram seperti mencuri batang balak dari Taman Negara Batang Ai ketika ini.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2011/05/23/>